

MENGENANG PERJUANGAN AMINUDDIN BAKI

'ITIK DI AIR MATI KEHAUSAN
AYAM DIKEPUK MATI KELAPARAN'

OLEH

FIRDUAS ABDULLAH
DEWAN MASYARAKAT

PUSAT SUMBER INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB)	
No. Perolehan :	KL 00750
No. Pengelasan :	
Tarikh :	5.4.89

JANUARI 1966

PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Pusat Sumber
Institut Aminuddin Baki,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

MENGENANG PERJUANGAN AMINUDDIN BAKI

" ITIK DI AIR MATI KEHAUSAN
AYAM DI KEPUK MATI KELAPARAN "

PAHLAWAN, ENKAU TELAH PERGI

Oh kenapa engkau, wahai panglima
kenapa engkau yang harus pergi dahulu
perang belum selesai, jalan sejarah masih panjang
dan masa depan kami kemungkinannya penuh bercabang
kitab yang kami baca belum tamat, belum tamat
dan engkau sebagai pelita utama telah padam, telah
padam
kami kehilangan aminuddin, kehilangan

aku tahu, dan tiap orang tahu
kerana cintakan kami hidupmu rasa tersula
engkau tahu, dan engkaulah yang paling tahu
bahawa amatlah malang itik di air mati dahaga

aku tahu, dan tiap orang tahu
kerana sayangkan kami resah hidupmu bagai tersalai
engkau tahu, dan engkaulah yang paling tahu
malang bangsamu, menang sorak kampung tergadai

engkau telah tiada, oh pahlawan
engkau telah tiada, oh kekasih
engkau telah tiada.

Dewan Masyarakat
Januari 1966

Firdaus Abdullah

Aminuddin Baki seorang tokoh kebangsaan yang ulung telah kembali ke Rahmatullah pada 24 Disember 1965 dalam usianya yang masih terlalu muda. Dilahirkan dalam keluarga yang sederhana di Chemor, Perak pada 26 Januari 1926, Aminuddin telah menghabiskan masa hidupnya manabur jasa bakti kepada nusa, bangsa dan agama melalui usaha-usahanya meninggikan

PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

mutu dan darjat bangsa menerusi pendidikan. Jasanya kepada pendidikan Melayu amat besar, dan usahanya untuk meningkatkan taraf pelajaran telah mendapat pengiktirafan yang tinggi. UNESCO telah mengiktiraf Allah Yarham sebagai salah seorang perancang pelajaran yang terkemuka di Asia.

Aminuddin mendapat pendidikan menengah di Sekolah Anderson, Ipoh dan kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya Singapura. Allah Yarham termasuk di antara beberapa siswazah yang mendapat kelulusan Honours dalam disiplin sejarah dari universiti tersebut. Atas usaha dan kebijaksanaanya yang luar biasa, Aminuddin telah ditawarkan 'Queen's Scholarship' iaitu biasiswa yang menjadi idaman semua pelajar universiti di waktu itu. Aminuddin kemudiannya telah berjaya mendapat Sarjana dalam bidang pendidikan dari Universiti of London.

Kepekaan Allah Yarham tentang keadaan pelajaran dan pelajar Melayu amat mendalam. Dalam satu rencananya yang tersiar di dalam majalah 'PENUNTUT' yang diterbitkan dalam bulan April 1950, Allah Yarham menulis

Memandang pada pentingnya universiti itu bukan sahaja menjadi tempat mempelajari ilmu pengetahuan tinggi, tetapi juga sebagai tempat pembentuk corak Melayu di masa hadapan dan tempat asuhan pemimpin-pemimpinnya, maka tak dapat tidak jika bangsa kita ingin hidup maju dan mulia, maka terpaksa bilangan penuntut kita diperbanyakkan lagi. Bangsa kita kekurangan doktor, peguam, ahli iktisad dan kekurangan dalam segala-galanya. Kepada universiti itulah seharusnya kita mengarah pandangan berat memperbaiki keadaan kita yang serba serbi kekurangan ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelajaran Melayulah menjadi anak emasnya. Di dalam bidang inilah masyarakat akan mengenangnya. Perkembangan yang meningkat dalam bidang pelajaran Melayu yang bermula pada awal tahun 1960an adalah sebahagian dari hasil usaha Allah Yarham. Pembangunan sekolah-sekolah menengah kebangsaan di seluruh tanah air adalah tinggalan utama Allah Yarham kepada bangsanya. Peperiksaan-peperiksaan kebangsaan seperti LCE, OSC dan HSC yang kini bertukar menjadi SRP, SPM dan STP(M) adalah antara usaha Aminuddin memperbanyakkan anak-anak Melayu mencapai taraf pelajaran menengah dan tinggi. Penubuhan Joint Examination Board pada bulan Ogos 1963 yang Allah Yarham sendiri mempengerusikannya adalah hasil perundingan selama 3 tahun untuk mencari jalan keluar bagi pelajaran Melayu selepas Sijil Persekolahan dengan perantaraan bahasa Melayu. Adalah tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa ramai antara kita yang berjaya kini adalah menerusi sistem pelajaran yang diperjuangkan oleh Allah Yarham. Menerusi program 'Gerakan Obor' yang dilancarkan pada bulan Januari 1964, dalam tiga siri berturut-turut, Allah Yarham telah menyarankan tentang betapa perlunya usaha-usaha merubah sikap dan fahaman orang-orang Melayu yang tidak sejajar dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi di negara yang merdeka dan berdaulat ini. Allah Yarham juga senantiasa menekankan perlunya diperimbangkan antara pembangunan jasmaniah dengan

pembangunan rohaniah. Bagi Allah Yarham, agama adalah untuk membimbing manusia ke jalan yang sejahtera di dunia sambil memenuhi keperluan dan tuntutan akhirat. Allah Yarham senentiasa di dalam ucapan mahupun tulisan-tulisanya megingatkan generasi muda dengan kata-kata ' Agama dijunjung, tamaddun dipimpin '.

Khidmat dan bakti Allah Yarham Aminuddin kepada bangsa kita amatlah besar. Sesuai dengan tujuan pertemuan kita pada hari ini dan selaras dengan cita-cita dan harapan Allah Yarham, izinkan saya menyampaikan satu dua pandangan mengenai pendidikan anak-anak bangsa kita.

Pentingnya pelajaran peringkat universiti telah dengan jelas diperkatakan oleh Allah Yarham di dalam tulisan yang dipetik di atas. Pelajaran peringkat universiti adalah amat penting bagi masa hadapan bangsa kita. Meskipun Universiti Malaya di Singapura telah wujud sejak tahun 1949, dan sepuluh tahun kemudian ditubuhkan cawangannya di Kuala Lumpur, tetapi bilangan pelajar-pelajar Melayu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tersebut amatlah kecil. Kebanyakan tulisan menunjukkan bilangan anak bangsa kita yang dapat menjejakkan kaki ke Universiti Malaya hanya dalam lingkaran 10 peratus dan kebanyakannya hanya di dalam jurusan sastera. Hal seumpama ini berterusan sehingga kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan melangkau terus ke tahun 1970. Tragedi 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969 selalu dikatakan sebagai gambaran ketidakimbangannya

pencapaian sosial dan ekonomi antara orang-orang kita Melayu dengan bukan Melayu yang mempunyai pertalian rapat pula dengan pencapaian pelajaran tinggi anak-anak bangsa kita.

Keadaan tidak imbang pengambilan dan penempatan bilangan pelajar mengikut kaum telah cuba diperbetulkan melalui pelaksanaan tegas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang bermula pada tahun 1970. Hasil dari kesungguhan perlaksanaan Dasar tersebut, jumlah pengambilan pelajar di universiti-universiti tempatan telah dapat diperbetulkan. Kedua pengambilan untuk sesi 1977/78 pelajar telah memperuntukkan 70 peratus pengambilan bagi pelajar-pelajar bumiputra dan baki untuk pelajar-pelajar bukan bumi. Penempatan kadar 70 peratus pelajar bumi ini adalah bertujuan memperbaiki kadar pengambilan dan penempatan pelajar yang telah senghaja ditinggalkan oleh dasar pelajaran di zaman penjajah dan dalam jarakmasa 13 tahun pertama selepas merdeka.

Malangnya, kadar pengambilan dan penempatan pelajar dalam kadar 70 dan 30 ini tidak lama. Akibat desakan-desakan strategik bukan Melayu utamanya melalui projek raksasa mereka Universiti Merdeka dan Kolej Tunku Rahman, Bahagian Pelajaran Tinggi Kementerian Pelajaran telah menggunakan kuasa administratif untuk menambah bilangan pelajar bukan Melayu kepada kadar 55 peratus Melayu dan 45 peratus bukan Melayu. Akibatnya, kadar pertambahan 2 peratus setiap pengambilan yang bermula dari sesi 1978/79

telah sampai ke matlamatnya pada sessi 1984/85 bila jumlah pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan memberi peruntukan 55 peratus kepada pelajar-pelajar bumiputra dan 45 peratus untuk pelajar-pelajar bukan bumi. Kadar pengambilan seumpama ini telah dilaksanakan dari masa ke semasa dan nampaknya tidak ada sebarang usaha oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk kembali ke pangkal jalan.

Dalam kaitan ini apa yang paling membimbangkan kita ialah jumlah pengambilan dan juga kadar penempatan 55 - 45 ini tidak berkeadaan sama di tahun akhir pengajian. Ini telah dibuktikan dari lulusan-lulusan universiti tempatan, bila jumlah yang agak ramai pelajar-pelajar bumiputra khususnya pelajar Melayu tercicir di tengah jalan, bila mereka gagal memenuhi syarat-syarat kelulusan sebagaimana yang ditetapkan. Keadaan seumpama ini jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan kadar pengeluaran siswazah yang tidak seimbang dan ia akan memberi kesan kepada pembangunan bangsa, negara dan agama.

Sehubungan dengan usaha meramaikan pelajar-pelajar Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi, satu perkara yang harus kita kaji dengan mendalam ialah mutu dan tahap pencapaian pelajar-pelajar kita di dalam peperiksaan-peperiksaan kebangsaan samada di tahap **Sijil Rendah Pelajaran**, **Sijil Pelajaran Malaysia**, **Sijil Tinggi**

Persekolahan dan juga keputusan peperiksaan di peringkat universiti. Adalah tidak dinafikan bahawa dari masa ke semasa tahap pencapaian anak-anak kita di dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut telah bertambah baik. Tetapi jika kita renung dan mengkaji secara mendalam dan terperinci, kita akan mengakui bahawa jika dibuat perbandingan pencapaian antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu, jelaslah mutu dan tahap pencapaian kita masih rendah dan terlalu perlu diperbaiki.

Sebagai contoh, sebulan yang lalu keputusan peperiksaan STPM telah diumumkan dan di dada-dada akhbar terpapar nama-nama 21 orang calon STPM 1986 yang telah berjaya mendapat 5 prinsipal A dan tidak seorangpun dari jumlah tersebut bernama Melayu.

Kegagalan pelajar-pelajar kita mencapai keputusan terbaik STPM selalu dilindungi oleh justifikasi bahawa pelajar-pelajar Melayu terbaik telahpun dihantar ke luar negeri. Justifikasi seumpama ini perlu dilihat kembali bila kita sendiri mengetahui bahawa pelajar-pelajar Melayu terbaik ialah kebanyakannya dari aliran Sains dan hanya segelintir dari aliran sastera. Persoalannya, kemanakah pelajar-pelajar terbaik aliran sastera kita yang kalau dilihat masih mempunyai kadar pencapaian yang rendah jika dibandingkan dengan paras pencapaian pelajar-pelajar bukan bumi. Hak kedua dari persoalan ini ialah pelajar-pelajar terbaik bukan bumi terutamanya dari kaum China sebenarnya

juga sudah 'tidak berada di dalam negeri sebaik sahaja mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia. Dari berita-berita yang diperolehi, kebnyakan dari mereka telahpun melanjutkan pelajaran di peringkat matrikulasi dan A level samada di Australia, New Zealand, United States dan United Kingdom. Pelajar-pelajar tersebut mampu melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terbaik di luar negeri di peringkat ijazah pertama dan seterusnya ijazah lanjutan dengan bantuan dan sokongan-sokongan kewangan dari penganjur-penganjur swasta. Dua perkara yang berkait rapat ini jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan wujudnya jurang dalam yang berkekalan samada dari segi mutu pencapaian dan juga bilangan siswazah antara Melayu dan bukan Melayu. Sempena mengenang perjuangan Allah Yarham Aminuddin Baki ini, marilah kita memikirkan secara sungguh-sungguh betapa perlunya kita berusaha meningkatkan mutu pencapaian dan prestasi akademik pelajar-pelajar kita terutamanya di peringkat SPM, STPM dan universiti-universiti. Sudah sampailah masanya kini kita tidak lagi berpuashati dengan bilangan pelajar kita yang lulus sahaja tetapi kita juga melihat dengan serius tentang mutu pencapaian mereka. Analisa keputusan pelajar-pelajar kita di dalam peperiksaan tahun 1986 di universiti-universiti tempatan seperti diterakan di bawah amatlah perlu kita perhatikan :

Jadual 1

Analisa Keputusan Peperiksaan Di Universiti
Tempatan Bagi Sistem Kepujian Tahun 1986

Kelas Kepujian	Bumiputra	China	India	Lain2	Jumlah
Kepujian Kelas I	20	117	7	3	147
Kepujian Kelas II	484	728	78	15	1305
Atas					

Kepujian Kelas II Rendah	1674	649	188	30	2541
Kepujian Kelas III	411	67	50	8	536
Lulus	112	14	9	2	137

Sumber : R. Karthigesu (Disember 1986)

Selari dengan hasrat kita untuk meramaikan pelajar-pelajar Melayu di peringkat universiti, usaha-usaha kerajaan menghantar ramai pelajar Melayu ke luar negeri adalah langkah-langkah yang amat perlu disokong. Kita sedar bahawa sememangnya terdapat beberapa masalah dari penghantaran pelajar-pelajar tersebut. Walau bagaimanapun dengan usaha yang bersungguh-sungguh dari beberapa pihak khususnya oleh para pelajar-pelajar sendiri, masalah-masalah yang di suatu masa dahulu amat membimbangkan kita seperti penglibatan pelajar dalam gerakan-gerakan politik, kecenderungan pelajar di dalam gerakan-gerakan agama, perhubungan-perhubungan sesama pelajar yang merosakkan nilai bangsa dan agama kini telahpun dapat diperbaiki. Dalam kaitan inilah berita-berita yang dikeluarkan oleh kerajaan tentang pemotongan

peruntukan sejumlah \$200 juta dari peruntukan yang terlulus dikhuatiri akan mengancam kedudukan pelajar-pelajar Melayu di peringkat pengajian tinggi.

Pemotongan sebanyak \$200 juta ini yang merupakan lebih kurang satu pertiga dari jumlah asal dikhuatiri akan mengurangkan bilangan pelajar-pelajar Melayu khususnya di luar negeri. Implikasi-implikasi politik adalah besar jika kerajaan meneruskan pemotongan ini terutamanya jika dilihat dari kesan jangka panjang. Peranan orang-orang Melayu sebagai masyarakat yang 'dominant' di negara Malaysia tidak akan terpenuhi tanpa tenaga terlatih yang mencukupi.

Apa yang membimbangkan kita ialah dalam masa kerajaan memotong peruntukan tersebut, para pelajar bukan Melayu khususnya 'pelajar-pelajar China akan berterusan. Seperti yang sama-sama kita maklum, pelajar-pelajar bukan Melayu tidak bergantung kepada bantuan dan sokongan-sokongan kerajaan. Terdapat bermacam skim yang ada untuk membolehkan mereka merebut peluang melanjutkan pelajaran di luar negeri dalam berbagai bidang dan di universiti-universiti yang terbaik. Mereka mempunyai Yayasan Lee, Yayasan Asia, Triangle Trust, Malayan Banking, Oversea Chinese Bank, Intel, Kumpulan United Chinese Bank, Kumpulan Wang Basiswa Tan Sri Manicavasagam, Malayan Tobacco, Malaysian Medical association, Tabung Basiswa India, Tabung Basiswa Dr

Ramasubaya, British Council, United Asian Bank, Persekutuan Hai Ann Malaysia dan berbagai skim lagi.

Tambahan pula adalah diketahui bahawa pada masa ini adalah menjadi amalan masyarakat bukan bumiputra untuk menghantar anak-anak mereka ke luar negeri dengan cara membuka akaun 'fixed deposit' di bank-bank luar negeri dan kemudiannya memanfaatkan faedah dari ajaran tersebut untuk menampung sebahagian dari kos pengajian. Terdapat juga kes di mana pelajar-pelajar bukan bumi telah berjaya menjadi 'permanent resident' yang mana akan melayakkan mereka mempunyai wang atau modal yang mencukupi. Lebih-lebih lagi kemudahan belajar menerusi taraf permanent resident ini akan membolehkan mereka belajar dalam kos yang lebih rendah kerana mereka boleh mendapat tempat di universiti-universiti kepunyaan kerajaan-kerajaan negeri (states colleges).

Keperluan pada tenaga profesional bagi menentukan kejayaan masa hadapan nusa dan bangsa adalah kenyataan yang sudah diterima umum. Seperti yang kita sama-sama maklum, sehingga kini bilangan tenaga profesional bangsa kita masih rendah jika dibandingkan dengan keadaan bukan Melayu. Sehingga tahun 1984 kita hanya mempunyai 21.0 peratus tenaga profesional dibandingkan dengan 79 peratus tenaga profesional bukan Melayu. Dari 8 jenis kumpulan-kumpulan ikhtisas tidak satu pun kita mempunyai bilangan melebihi 30 peratus. Keadaan seumpama ini perlu diperabiki. Allah

Yarham Aminuddin Baki pada tahun 1950 lagi telah menyeru agar usaha-usaha yang berterusan dilakukan bagi membanyakkan lagi tenaga profesional bangsa kita.

Jadual 2

MALAYSIA: KEAHLIAN KUMPULAN-KUMPULAN IKHTISAS 1984

Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
103 (15.6)	539 (81.9)	7 (1.1)	9 (1.4)	858 (100.0)
286 (8.9)	2,678 (82.8)	195 (6.0)	75 (2.3)	3,234 (100.0)
3,500 (25.2)	9,294 (67.0)	752 (5.4)	335 (2.4)	13,881 (100.0)
194 (20.3)	444 (46.4)	286 (29.9)	33 (3.4)	957 (100.0)
753 (16.7)	1,881 (41.8)	1,745 (38.7)	126 (2.8)	4,505 (100.0)
128 (26.3)	123 (25.3)	198 (40.8)	37 (7.6)	486 (100.0)
237 (35.8)	369 (55.7)	39 (5.9)	17 (2.6)	662 (100.0)
272 (16.0)	826 (48.7)	557 (32.8)	43 (2.5)	1,698 (100.0)
5,473 (21.0)	16,154 (61.9)	3,779 (14.5)	675 (2.6)	26,081 (100.0)

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima

Bilangan tenaga profesional yang mencukupi adalah amat perlu demi pembangunan dan masa hadapan bangsa. Tenaga

profesional yang berkurangan bukan sahaja boleh melambatkan usaha-usaha pembangunan kita bahkan ia juga melibatkan rendahnya maruah dan martabat bangsa kita dan menuntut terlaksananya peranan kita sebagai penyelesai tuntutan fardu kifayah. Mengambil contoh bilangan doktor di negara ini, tidak imbangnya bilangan doktor di luar bandar dan dalam bandar, ~~juga bilangan doktor di negeri-negeri yang ramai~~ Melayu dan yang ramai bukan Melayu perlu diberikan perhatian berat.

Sesungguhnya terlalu banyak hal-hal pelajaran Melayu yang perlu difikirkan secara serius dalam usaha mengenang kembali perjuangan Allah Yarham Aminuddin Baki. Dalam usahanya yang muda, yang meninggal dunia dalam usia yang tidak sampai 40 tahun, Allah Yarham Aminuddin telah meninggalkan banyak jasa dan khidmat baktinya kepada bangsa, negara dan agamanya. Sesungguhnya, perjuangan pejuang-pejuang bangsa kita seperti Allah Yarham Aminuddin Baki, Professor Zulkifli Mohamed, Dato' Dr Ungku Omar Ahmad dan ramai lagi perlu diteruskan. Pejuang-pejuang tersebut umpama lilin yang membakar dirinya demi kesejahteraan dan kebahagiaan orang lain. Dan tugas kita adalah meneruskan perjuangan yang tidak habis-habis ini.

Moga-moga Allah mencucuri roh Allah Yarham Aminuddin Baki dan moga-moga amaran Allah Yarham yang senentiasa menjadikan intisari ucapan-ucapannya ' Ayam di kepuk mati kelaparan, Itik di air mati kehausan ' akan senentiasa kita